


Pertandingan penulisan esei U@live Universiti Nasional Singapura (NUS) bertajuk 'Islamofobia: Adakah Dua Perkara yang Salah akan Menjadikannya Sesuatu yang Betul?' telah dianjurkan baru-baru ini. BERITA HARIAN memaparkan esei yang ditulis oleh pemenang serta naib johan bagi pertandingan itu.



**PEMENANG ESEI:** Encik Fadhil Yunus Alsagoff membincangkan penggunaan istilah dan takrifan melibatkan agama Islam dan umatnya. Beliau berpendapat penggunaan yang tidak tepat akan gagal memberikan keadaan sebenar. – Foto-foto NUS

ESEI

# Alumni NUS kupas salah erti label dalam isu agama

► FADHIL YUNUS ALSAGOFF

SAYA berhasrat mendedahkan kecenderungan sifat berat sebelah yang tersembunyi yang diletakkan ke atas agama Islam dan umat Islam.

Sifat berat sebelah ini telah memburukkan keadaan dan bukan meringankan isu sebenar yang wujud.

## ISTILAH DAN TAKRIF

Saya juga telah mencadangkan istilah dan takrif alternatif yang lebih bertepatan untuk menggambarkan fenomena yang dibincangkan. Hal ini kemudiannya dapat digunakan untuk perbincangan yang lebih jelas dan lebih fokus.

Perkara yang pertama adalah berkaitan tema "radikalisme dalam agama Islam."

Pernyataan yang sah berkenaan istilah 'Islam' telah diperdebatkan secara meluas dalam wacana akademik dan politik mengenai keganasan.

Terdapat kesepakatan yang sama berkenaan isu bersifat global ini yang menyatakan bahwa istilah tersebut bermasalah.

Ini kerana ia membayangkan perhubungan aras antara Islam dengan perbuatan yang menjerus ke arah kebencian dan keganasan. Mantan Presiden Amerika Syarikat, Encik George Bush dan Encik Tony Blair (mantan perdana menteri Britain) berulang kali menegaskan perang menentang keganasan tiada berkaitan dengan agama Islam dan Islam merupakan agama kedamaian.

Encik Barack Obama pula amat jelas dalam keengganannya menggunakan istilah keganasan Islam. Ini bagi memastikan kita tidak meletakkan kumpulan pembubuhan ini dalam berbilion umat Islam yang wujud di serata dunia.

Presiden Amerika kini, Encik Donald Trump, yang amat terkenal dengan sentimen anti umat Islam juga menarik balik penggunaan beliau tentang perkataan 'islam' (bersifat Islam).

Beliau menjelaskan ia satu kecualian.

Encik Trump sebenarnya mahu menyatakan tentang 'Islamis' atau Islamis (bersifat keislaman). Beliau mendapat penerimaan baik dan meluas, walaupun beliau menentang penggunaannya.

Tidak seperti perkataan islamik (bersifat Islam), ia telah melencangkan tumpuan dari pada agama dan dengan tepatnya menjurus ke arah ideologi politik.

Melalui ideologi politik pula, ia telah menggariskan pernyataan yang sah berkenaan istilah 'Islam' melalui penggunaannya.

Harus diingatkan bahawa tidak semua orang Islam akan menerima dan menggunakan keganasan. Golongan Islamis ialah pengajar kepada pergerakan atau ideologi yang berusaha untuk memimpin suatu ben-

tuk tadbir urus Islam. Ia dilaksanakan dengan cara yang boleh merangkumi proses demokrasi yang aman, contohnya Pergerakan Ennahda di Tunisia.

Jika kita bersetuju dengan penggunaan perkataan Islamis bagi mewakili perkataan Islamik, termasuknya pula adalah 'radikalisme,' satu perkataan yang perlu dirungkaikan maknanya.

Terma 'radikal' dan 'radikalisme' mempunyai sejarah panjang dalam politik Barat, walaupun ia mula mendapat perhatian pada sekitar abad ke-19 di Eropah untuk rujukan.

Secara ironinya, ia mendapat perhatian dalam kalangan golongan pergerakan reformis demokratik liberal yang tidak ganas.

Bagaimanapun, 'radikalasi' ialah satu istilah baru yang hanya muncul selepas 2000.

Ia masih belum dapat ditakrifkan dengan secukupnya. Perkataan 'radikalasi' ini masih kekal digunakan pada hari ini. Ia banyak digunakan tanpa makna khusus bagi merujuk kepada proses transformasi khususnya kaum Muslimin kepada pengganas.

Hal ini menunjukkan satu andaian berbahaya yang dibina melalui istilah radikalisme dalam agama Islam. Ia merujuk bahawa sekiranya radikalisme itu bersifat islamik, pastinya ia akan bersifat ganas. Perkara yang sama tidak semestinya dapat menggambarkan pergerakan reformis yang lain.

Malah penulis, Dr Magnus Wennerhag dalam kisah pergerakan radikalnya di Eropah kontemporari telah menyatakan, "oleh itu, kita tidak seharusnya menyamakan radikalisme dengan penggunaan keganasan politik... Ini adalah kerana seseorang itu juga mungkin akan menemui banyak contoh kumpulan radikal yang menganggap bahawa tindakan tanpa kekerasan sebagai perkara yang baik dan lebih cekap."

Antara satu alternatif lebih baik yang memupuk makna eksklusif, kebencian, dan keganasan ialah 'ekstremisme'.

Menurut Institut Keamanan Eropah, golongan pelampau menerima keganasan sebagai cara sah untuk mencapai matlamat politik mereka. Jika digabungkan, kita mempunyai istilah 'pelampau Islam.'

Istilah ini membawa maksud satu orientasi yang membenarkan penggunaan keganasan untuk mencapai matlamat bagi ideologi politik yang melambangkan kesihilan dengan menggunakan perbendaharaan kata Islam.

## ISLAMOFOBIA

Akhirnya, Islamofobia bukan semata-mata merujuk kepada satu ketakutan, kebencian dan diskriminasi terhadap agama Islam dan orang-orang Islam.

Sebaliknya, ia merupakan ketakutan yang tidak masuk akal (seperti yang termaktub dalam perkataan fobia).

Ketakutan ini berdasarkan pernyataan yang menyimpang dari Islam atau umat Is-

lam yang sebenar, tanpa perhubungan kepada seorang Muslim sejati.

Bagaimana pula jika ada seseorang bertanya, siapakah atau apakah seorang Muslim sejati? Skop karangan ini membantaskan pemberian jawapan kepada soalan itu dengan secukupnya.

Bagaimanapun, kita boleh mengatakan bahawa "seseorang umat Islam yang sebenar" lebih dekat asasnya kepada majoriti umat Islam yang aman dan bebas daripada kes keganasan yang kita lihat secara tidak sengaja di media.

Hal ini mengingatkan kita kepada buku *Orientalism* oleh Profesor Edward Said. Tidak mengejutkan apabila ramai ulama yang telah mengenal pasti kesalahan bagi memberi gambaran kepada umat Islam ini.

Hal ini dijalankan sebagai satu manifestasi kontemporari. Keterlaluan dan keadaan tidak rasional kepada ketakutan ini telah mengarahkan pelakonnya untuk bertindak dengan penuh kebencian dan keganasan terhadap umat Islam.

Menegaskan bahawa ketakutan itu tidak rasional dan ia ditujukan ke arah perwakilan yang menyimpang dari Islam dan umat Islam telah cuba sedaya upaya untuk membuang tanggapan bahawa ketakutan itu adalah sesuatu yang wajar.

Hal ini membolehkan kita untuk menggalih lebih mendalam permasalahan yang sebenar tentang Islamofobia.

Hal ini berkenaan dengan perwakilan ke atas makna Muslim yang telah menyimpang berbanding dengan gangguan tentang permasalahan terhadap Islam dan umat Islam.

Penggunaan istilah bukan perkara yang boleh diambil mudah. Ia membentuk cara kita mengambil pendekatan terhadap perbicangannya.

Penggunaan istilah tersebut adalah yang tidak tepat dan mengelirukan berbanding memberikan penjelasan, yang seterusnya membawa kepada pelaksanaan langkah yang tidak cekap dan kadang-kadang juga bersifat tidak produktif.

Saya amat berharap saya telah menunjukkan dan mendedahkan tentang berat sebelah yang tersembunyi berkenaan umat Islam dan Islam yang telah mengaburkan persepis kita.

Oleh itu, dalam banyak cara, isunya adalah tentang pelabelan. Justeru itu, kita mestilah berhati-hati dalam memastikan kebenaran berkenaan istilah, takrifan, dan konsep yang kita gunakan, terutamanya berkaitan isu sensitif mengenai agama, terutamanya di Singapura yang mempunyai kepelbagaiannya agama.

► Penulis merupakan pemenang pertandingan esei NUS – Adakah Dua Perkara yang Salah akan Menjadikannya Sesuatu yang Betul? Beliau adalah Alumni Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan NUS.